



Jawab **semua** soalan di bawah.

1. Apakah nama lagu kebangsaan Malaysia?
A *Negaraku*
B *God Save The Queen*
C Tanah Tumpahnya Darahku
D Raja Kita Selamat Bertakhta
2. Bilakah pertama kalinya lagu *Negaraku* diperdengarkan?
A Malam 30 Ogos 1957
B Malam 31 Ogos 1957
C 16 September 1957
D 16 September 1963
3. Apakah nama lagu kebangsaan negara kita sebelum merdeka?
A *Terang Bulan*
B *Tanggal 31 Ogos*
C *God Save The Queen*
D *Allah Peliharakan Sultan*
4. Antara berikut, yang manakah maksud lirik lagu *Negaraku*?
A Gigih menimba ilmu pengetahuan
B Berani menentang musuh negara
C Menentang penjajahan kuasa luar
D Bersatu padu untuk mencapai kemajuan
5. Apakah lirik lagu kebangsaan yang memohon rahmat dan kebahagiaan daripada Tuhan untuk kesejahteraan raja yang memerintah?
I Bersatu dan maju
II Rahmat bahagia
III Tuhan kurniakan
III Tanah tumpahnya darahku
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
6. Apakah yang perlu anda lakukan jika anda datang lewat ke sekolah dan mendengar lagu *Negaraku*?
A Berlari dan teruskan perjalanan
B Membawa beg sambil berjalan
C Berdiri tegak dan mengalas beg sekolah
D Berhenti berjalan dan meletakkan beg di sisi kaki
7. Mengapakah kita perlu berdiri tegak semasa menyanyikan lagu *Negaraku*?
A Mengukuhkan perpaduan
B Menghormati lagu kebangsaan
C Menghormati pemimpin negara
D Mematuhi undang-undang negara
8. Antara berikut, yang manakah etika menyanyikan lagu *Negaraku*?
I Menyanyi dengan suara kuat
II Menggunakan pembesar suara
III Menghayati dan memahami lirik
IV Menyanyi secara jelas dan serentak
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
9. Apakah etika kedudukan fizikal semasa nyanyian lagu *Negaraku*?
A Berdiri seperti biasa
B Mata memandang ke bawah
C Tangan diletakkan di pinggang
D Kedua-dua belah kaki dirapatkan
10. Apakah matlamat nyanyian lagu *Negaraku* kepada rakyat Malaysia?
I Memupuk perpaduan
II Melahirkan masyarakat berilmu
III Membentuk masyarakat penyayang
IV Melahirkan warganegara yang patriotik
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV